

# Dr. Mahathir merasa lega

BH23 SEPT 1974  
KUALA LUMPUR, Ahad.  
Menteri Pelajaran,  
Dr. Mahathir Mohamad,  
sukacita mahasiswa-  
mahasiswa yang mem-  
punyai rasa tanggung-  
jawab telah bertindak  
memulihkan ketentera-  
man di Universiti Ma-  
laya.

"Saya sukacita menge-  
tahui bahawa mahasis-  
wa-mahasiswa yang  
mempunyai rasa tang-  
gungjawab telah bertin-  
dak dan ini satu alamat  
yang mengembirakan  
masa depan negara,"  
katanya.

Beliau mengulas tin-  
dakan Majlis Tertinggi  
Nasionalis (MTN) yang  
dibentuk malam tadi  
telah mengambil alih  
kuasa dari Majlis Ter-  
tinggi Sementara (MTS)  
Persatuan Mahasiswa

Universiti Malaya, ber-  
ikutan satu tunjuk pe-  
rasaan di luar kampus  
semalam.

Kata Dr. Mahathir,  
tunjuk perasaan itu ber-  
punca dari segelintir  
pelajar-pelajar sosialis.

"Partai Rakyat yang  
telah gagal dalam pilih-  
anraya lalu sedang cu-  
ba melibatkan pelajar-  
pelajar dalam satu kon-  
frantasi dengan Keraja-  
an.

"Mereka berharap po-  
lis akan menggunakan  
kekerasan ke atas pela-  
jar-pelajar yang akan  
mengakibatkan beberapa  
orang pelajar mati.

"Dengan kematian pe-  
lajar-pelajar ini, mereka  
akan menjelajah ke me-  
tinggi

★ Muka 12 Ruang 4

## EREKA TIDAK DAPAT DIBERI HAK ISTIMEWA

★ DARI MUKA 1

rata negara untuk meng-  
utuk kebuasan polis. Ki-  
ta bernasib baik, perka-  
ra tersebut tidak berla-  
ku," katanya lagi.

Mengenai bantahan  
setengah-setengah golo-  
ngan pelajar atas bebe-  
rapa orang pelajar yang  
ditahan dalam tunjuk-  
perasaan di Johor Baha-  
ru, Dr. Mahathir berka-  
ta:

"Mereka tidak dapat  
diberi hak istimewa. Pe-  
lajar-pelajar mahu ra-  
kan-rakan mereka dibe-  
baskan semata-mata ke-  
rana mereka pelajar.

Mereka nampaknya  
mempunyai nilai-nilai  
yang anih dan inilah  
yang paling membim-  
bangkan antara orang-  
orang yang hendak men-  
jadi pemimpin negara di  
masa depan."